

# Jangan harapkan kuasa besar: PM

Oleh Othman Mamat dan Noordin Zakaria

04 21 DEC 1993

SUNGAI PETANI, Isnin - Malaysia tidak boleh mempercayai pakatan ketenteraan dengan kuasa besar yang menjanjikan pertolongan seandainya negara ini diserang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini disebabkan kuasa besar biasanya bertindak mengikut kepentingan mereka dan sering melupai janji seperti berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Sehubungan dengan itu, katanya, rakyat Malaysia perlu membuat persediaan sendiri di samping sanggup mempertahankan negara tanpa mengharapkan pertolongan negara lain untuk mempertahankan tanah air.

"Kita tidak boleh percaya kepada sesiapa untuk mempertahankan diri kita, sebab itu kita tidak boleh percaya kepada ikatan dengan negara yang kuat, kononnya kalau (Malaysia) diserang, maka mereka akan menolong kita.

"Kita mesti membuat persediaan sendiri dan harus sanggup mempertahankan negara kita sendiri," katanya berucap di majlis ramah mesra dengan anggota Batalion Malaysia (Malbatt) Bosnia, di Kem 3 Armor, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wan Abu Bakar Wan Mohammad, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Abdul Rahman Hamid, dan Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Borhan Ahmad.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon, Pengarah Bahagian Latihan dan Operasi Bersama Angkatan Tentera, Laksamana Madya Datuk Harun Datuk Dr Salleh dan Panglima 2 Divisyen, Mej Jen Datuk Mohd Ali Dollah.

Perdana Menteri kesal dengan tindakan kuasa besar menghalang rakyat Bosnia mempertahankan diri mereka, sebaliknya puak Serb dibiarkan mengganas.

Beliau menyifatkan tindakan itu sebagai satu ketidakadilan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dunia.

Menurutnya, penganiayaan yang dilakukan oleh kuasa besar ke atas rakyat Bosnia amat teruk apabila mereka tidak diberi peluang mempertahankan diri sendiri dan tidak dibenarkan memiliki senjata untuk berbuat demikian.

Katanya, bangsa lain sepatutnya mengakui hak rakyat Bosnia dengan membenarkan mereka mempertahankan diri tetapi malangnya bangsa yang kuat tidak berbuat demikian sebaliknya menahan mereka daripada mempertahankan diri.

"Mereka (kuasa besar) menahan orang Bosnia daripada mempertahankan diri sebaliknya membiarkan pihak Serb yang ganas melakukan keganasan," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat agar jangan leka dan terlalu percaya bahawa negara ini akan sentiasa selamat kerana mungkin satu hari nanti, Malaysia juga menghadapi ancaman.